



GARIS PANDUAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PEKEBUN KECIL GAHARU

Disediakan oleh:

**Bahagian Pembangunan Industri
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

DIKEMASKINI PADA 10 DISEMBER 2024

GARIS PANDUAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PEKEBUN KECIL GAHARU

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai Skim Insentif Proses Inokulasi Karas untuk Pengeluar Gaharu di bawah Program Pembangunan Usahawan dan Pekebun Kecil Gaharu oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kepada usahawan dan pekebun kecil Karas/Gaharu.
- 1.2 Kaedah-kaedah dalam garis panduan ini telah ditetapkan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan hendaklah digunakan dalam pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan dan Pekebun Kecil Gaharu sahaja.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Produk berasaskan Gaharu merupakan salah satu sumber ekonomi baru dalam menjana pendapatan industri kayu negara. Oleh itu, kelestarian sumber bahan mentah Gaharu bagi pemprosesan Pati Minyak Gaharu adalah penting bagi memastikan permintaan pasaran bagi Gaharu ini dapat dipenuhi.
- 2.2 Selaras dengan itu, Program Pembangunan Usahawan dan Pekebun Kecil Gaharu dilaksanakan adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri hiliran gaharu terutamanya dalam penghasilan Gaharu secara inokulasi dan Pemprosesan Pati Minyak Gaharu. Objektif program ini adalah seperti berikut:
 - a. Meningkatkan nilai eksport produk Karas/Gaharu;
 - b. Meningkatkan jualan pekebun kecil Gaharu; dan
 - c. Meningkatkan jumlah pekebun kecil Gaharu.

3. MEKANISMA PELAKSANAAN SKIM INSENTIF

3.1 Program ini dipertimbangkan kepada usahawan dan pekebun kecil Karas/Gaharu melalui Skim Insentif Proses Inokulasi Karas Untuk Pengeluar Gaharu dengan pemberian insentif seperti berikut:

SKOP INSENTIF	KADAR INSENTIF (RM)
Kos Proses Inokulasi Pokok Karas	RM100 Sepokok

Pembiayaan kos proses inokulasi pokok karas akan diberikan adalah tertakluk kepada bilangan minima 10 pokok dan maksima 125 pokok per peserta/pemohon dengan kadar maksima RM100 sepokok.

3.2 MTIB berhak meminda mana-mana syarat dan kriteria dalam garis panduan ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

3.3 MTIB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang dialami oleh peserta di bawah program ini. Sebarang pertikaian antara pemohon dan pembekal yang dipilih oleh pemohon adalah di luar tanggungjawab MTIB.

3.4 MTIB tidak bertanggungjawab jika proses inokulasi tidak berjaya.

3.5 Pemohon bertanggungjawab memasarkan hasil daripada proses inokulasi pokok karas mereka sendiri.

4. PROSEDUR PERMOHONAN

4.1 Syarat-syarat Permohonan

4.1.1 Pemohon program hendaklah:

- i. Berdaftar dengan MTIB atau Pihak Berkuasa Pengurusan (*Management Authority-MA*) di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] sebagai Penanam Karas dan masih sah sekurang-kurangnya ENAM (6) bulan dari tarikh permohonan;

- ii. Memiliki keluasan tanah bagi tanaman Karas kurang daripada 40 hektar. Dirian minima adalah 10 batang pokok Karas.
- iii. Mempunyai pokok Karas yang berusia 5 tahun ke atas dan mempunyai 15cm dbh (*diameter at breast height*) ke atas serta sesuai untuk diinokulasi;
- iv. Pembiayaan maksimum bagi setiap pemohon adalah berjumlah RM100 per pokok bagi tujuan inokulasi. Maksimum jumlah pokok yang yang diberi pembiayaan adalah sebanyak 125 pokok bagi setiap peserta;
- v. Pembekal inokulasi yang dipilih mestilah pembekal tempatan. Walaubagaimanapun, pemohon digalakkan untuk memilih pembekal yang mempunyai rekod kajian dengan MTIB (Lampiran 1). Pemohon bertanggungjawab mengemukakan dokumen sebut harga daripada syarikat pembekal yang dipilih. Sebarang pertikaian dan isu yang timbul di antara pemohon dan syarikat pembekal yang dipilih oleh pemohon atau mana-mana pihak ketiga adalah diluar tanggungjawab MTIB.
- vi. Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan syarikat pembekal yang dipilih; dan
- vii. Pokok yang telah diinokulasi sebelum tarikh kelulusan diberikan tidak akan dibiayai di bawah program ini.

4.2 **Dokumen permohonan**

4.2.1 Pemohon perlu memajukan dokumen – dokumen berikut:-

- i. Borang permohonan yang lengkap;
Borang permohonan boleh diperolehi daripada:-
 - a) Laman sesawang MTIB di <https://www.mtib.gov.my>
 - b) Bahagian Pembangunan Industri, Ibu Pejabat MTIB;

- c) Edaran semasa taklimat program; atau
- d) Pejabat MTIB Wilayah / Negeri

NOTA. Pemohon / Syarikat Pembekal adalah dilarang daripada menyiarkan Borang Permohonan dalam sebarang media cetak atau elektronik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada MTIB

- ii. Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Pindaan 2001 atau Salinan Borang 9, Borang 24, dan Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pemohon juga boleh memajukan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info;
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran sebagai Penanam Karas daripada MTIB;
- iv. Salinan kad pengenalan individu (jika pemohon merupakan individu bukan syarikat);
- v. Dokumen tawaran harga daripada syarikat pembekal; dan
- vi. Sebarang dokumen tambahan berkaitan jika diperlukan.

4.2.2 Borang permohonan yang telah lengkap bersama dokumen-dokumen lain hendaklah dikemukakan kepada MTIB ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No.8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur
u.p.: Pengarah Bahagian Pembangunan Industri

Atau melalui email kepada:

- i. Pn Nor Shahira Mat Nasir
E-mel: shahira@mtib.gov.my, Tel: 03-92822235 ext.1354
- ii. En Muhd Muzakkir Kamaruzaman
E-mel: muzakkir@mtib.gov.my, Tel: 03-92822235 ext.1353

4.3 **Kelulusan Permohonan**

- 4.3.1 Permohonan yang diterima akan disemak, diteliti, disyor dan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan melalui jawatankuasa yang berkaitan. MTIB juga akan menjalankan pengauditan tanaman/ladang Karas milik pemohon sebelum dan selepas kelulusan.
- 4.3.2 MTIB akan mengemukakan Surat Kelulusan kepada pemohon yang berjaya. Sebarang keputusan yang dibuat oleh MTIB adalah **MUKTAMAD**. Pemohon perlu mengembalikan **Surat Setuju Terima** kepada MTIB dalam **tempoh 14** hari bekerja dari tarikh Surat Kelulusan.
- 4.3.3 Bagi permohonan yang berjaya, fi pengurusan sebanyak RM100 akan dikenakan bagi urusan pentadbiran dan tidak akan dipulangkan sekiranya pemohon menarik diri atau gagal mematuhi syarat pembiayaan yang telah ditetapkan.
- 4.3.4 Proses inokulasi hendaklah dilakukan oleh pemohon yang berjaya dalam tempoh TIGA (3) bulan atau ENAM (6) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan Surat Setuju Terima (SST) atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MTIB mengikut syarat dan terma.
- 4.3.5 Kelulusan permohonan ini akan terbatal dengan sendirinya jika perenggan **4.3.4** di atas tidak dipatuhi oleh pemohon dan permohonan baharu perlu dikemukakan semula.

- 4.3.6 MTIB berhak untuk menarik balik/membatalkan permohonan pemohon sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat palsu dan meragukan serta mempunyai kepentingan dengan pihak syarikat pembekal.
- 4.3.7 Bagi permohonan yang tiada salinan sijil pendaftaran penanam karas dan sedang dalam proses kelulusan untuk berdaftar, permohonan boleh dipertimbangkan dan diluluskan secara bersyarat sehingga permohonan pendaftaran sebagai penanam diluluskan. Kelulusan bersyarat ini tertakluk kepada kelulusan pendaftaran sebagai Penanam Karas.

5. SESI INOKULASI SELEPAS KELULUSAN

5.1 Pemohon yang berjaya boleh membuat sesi inokulasi pokok karas mengikut kaedah berikut:

5.1.1 Sesi inokulasi secara penuh bilangan pokok yang diluluskan.

Proses inokulasi hendaklah dilakukan oleh peserta yang berjaya dalam tempoh TIGA (3) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MTIB mengikut syarat dan terma.

atau;

5.1.2 Sesi inokulasi secara berperingkat bilangan pokok yang diluluskan.

- a. Proses inokulasi hendaklah dilakukan oleh peserta yang berjaya dalam tempoh ENAM (6) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MTIB mengikut syarat dan terma.
- b. Sesi inokulasi boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan minima 10 pokok bagi setiap sesi dan perlu diselesaikan

keseluruhan bilangan pokok yang diluluskan dalam tempoh ENAM (6) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST.

6. KAEDAH PEMBIAYAAN INSENTIF

6.1 Pemohon hanya dibenarkan untuk membuat **SATU (1)** permohonan sahaja sepanjang program ini.

6.2 Sebarang penukaran pembekal selepas permohonan diluluskan adalah tidak dibenarkan dan pemohon perlu membuat permohonan baru.

6.3 Kaedah pembiayaan skim insentif di bawah program ini adalah melalui kaedah bayaran balik (*reimbursement*) atau kaedah bayaran terus kepada syarikat pembekal. Pemohon yang berjaya hendaklah memilih salah satu daripada EMPAT (4) kaedah bayaran berikut:

6.3.1 Kaedah **Bayaran Balik** atau '**Reimbursement**' penuh

- a. Peserta hendaklah membuat inokulasi dalam tempoh TIGA (3) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST dan membuat pembayaran sepenuhnya terlebih dahulu kepada syarikat pembekal sebelum membuat tuntutan bayaran kepada MTIB.
- b. Bukti pembayaran kepada pembekal hendaklah dilampirkan bersama salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*), invois (*invoice*) dan resit pembayaran yang telah disahkan oleh pemohon.

atau;

6.3.2 Kaedah **Bayaran Balik** atau '**Reimbursement**' berperingkat

- a. Peserta hendaklah membuat inokulasi secara berperingkat dalam tempoh ENAM (6) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dan sesi inokulasi boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan minima 10 pokok bagi setiap sesi.

- b. Peserta membuat bayaran kepada syarikat pembekal mengikut peringkat inokulasi yang telah selesai sebelum membuat tuntutan kepada MTIB.
- c. Bukti pembayaran kepada pembekal hendaklah dilampirkan bersama salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*), invois (*invoice*) dan resit pembayaran yang telah disahkan oleh pemohon.

atau;

6.3.3 Kaedah **bayaran terus kepada syarikat pembekal secara penuh**

- a. Peserta hendaklah membuat inokulasi dalam tempoh TIGA (3) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.
- b. Peserta hendaklah membuat bayaran bagi perbezaan kos antara sebut harga dan kelulusan MTIB sebelum sebarang proses inokulasi dilaksanakan oleh pembekal.
- c. Peserta memastikan salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois (*invoice*) daripada syarikat pembekal dikemukakan kepada MTIB bagi tuntutan bayaran kepada pembekal.
- d. Bayaran akan dibuat oleh MTIB kepada syarikat pembekal setelah selesai kerja-kerja inokulasi dan peserta/pembekal mengemukakan dokumen di perkara (c) untuk proses bayaran.

atau;

6.3.4 Kaedah **bayaran terus kepada syarikat pembekal secara berperingkat**

- a. Peserta hendaklah membuat inokulasi dalam tempoh ENAM (6) bulan daripada tarikh pengakuan penerimaan SST mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dan sesi inokulasi boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan minima 10 pokok bagi setiap sesi.
- b. Peserta hendaklah membuat bayaran bagi perbezaan kos antara sebut harga dan kelulusan MTIB sebelum sebarang sesi inokulasi dilaksanakan oleh pembekal.
- c. Peserta memastikan salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois (*invoice*) daripada syarikat pembekal dikemukakan kepada MTIB bagi tuntutan bayaran kepada pembekal.
- e. Bayaran akan dibuat oleh MTIB kepada syarikat pembekal setelah selesai setiap sesi kerja-kerja inokulasi dan peserta/pembekal mengemukakan dokumen di perkara (c) untuk proses bayaran.

6.4 MTIB akan melaksanakan pembayaran mengikut nilai pembiayaan yang diluluskan selepas kesemua terma dan syarat dipatuhi serta semakan dilapangan telah dibuat oleh MTIB.

6.5 Pokok yang telah diinokulasi sebelum tarikh kelulusan diberikan tidak akan dibiayai di bawah program ini.

6.6 MTIB berhak melakukan pemeriksaan pada **bila – bila masa** di ladang pemohon.

6.7 Pemohon hendaklah memastikan semua pembelian dan pembayaran dibuat atas nama syarikat pembekal yang telah **DILULUSKAN**. Sebarang transaksi

yang melibatkan (daripada atau kepada) individu, anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat induk boleh mengakibatkan kelulusan dibatalkan.

6.8 Pembekal yang dipilih oleh pemohon tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan (*conflict of interest*) dengan pemohon. Contoh : sebarang hubungan kekeluargaan, agen, duta, wakil jualan dan / atau pekerja syarikat / Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau lain-lain hubungan yang mengaitkan pemohon dengan pihak pembekal.

7. TANGGUNGJAWAB PEMOHON SELEPAS KELULUSAN

7.1 Pemohon/syarikat pembekal yang berjaya hendaklah mengemukakan laporan berkala setiap EMPAT (4) bulan dalam tempoh DUA (2) tahun pelaksanaan program ini.

7.2 Pemohon yang berjaya juga hendaklah mengemukakan laporan penebangan bagi aktiviti pengusahaan gaharu.

7.3 Butiran Maklumat :

- i. Jumlah pokok yang telah diinokulasi
- ii. Jumlah pokok yang hidup
- iii. Jumlah pokok yang mati
- iv. Sebab kematian pokok
 - Serangan serangga perosak
 - Serangan haiwan liar
 - Bencana alam
 - Proses inokulasi
 - Lain – lain
- v. Berlaku kecurian
- vi. Gambar pokok sebelum dan selepas inokulasi

7.4 Pemohon bertanggungjawab memasarkan hasil daripada proses inokulasi pokok Karas mereka sendiri.

8. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi pegawai Bahagian Pembangunan Industri berikut:

- i. Puan Nor Shahira Mat Nasir
E-mel: shahira@mtib.gov.my, Tel: 03-92822235 ext.1354
H/P: 012-2614282
- ii. Encik Muhd Muzakir Kamaruzaman
E-mel: muzakir@mtib.gov.my, Tel: 03-92822235 ext.1353
H/P: 017-3599277
- iii. Encik Muhamad Basri Md Daud
E-mel: muhamadbасri@mtib.gov.my, Tel: 03-92822235 ext.1407
H/P: 017-9667894

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Industri

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Dikemaskini pada 10 Disember 2024 dan berkuat kuasa serta merta

LAMPIRAN 1**A. SENARAI SYARIKAT PEMBEKAL INOKULASI YANG MEMPUNYAI REKOD DATA KAJIAN DENGAN MTIB**

BIL.	SYARIKAT INOKULASI	ALAMAT	NAMA
1	Biobenua Teknologi Sdn Bhd	Lot A 108, Jalan Kenanga, Nusa Dusun Orchard Resort, 78200, Kuala Linggi Melaka.	YBhg. Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Ali allinggioud@gmail.com H/P: 012-391 9977
2	Sansen Malaysia Agarwood Sdn Bhd	No JKA 30 Lot 2709, Kg Tg Air Hitam Kayu Ara Pasong, 82010 Pontian, Johor.	Encik Howard Ng sansenagarwood@gmail.com H/P: 012-527 6875
3	RAHE Groups Sdn Bhd Nama lama: Redclaw Aqua and Herbs Sdn Bhd/	No 825 Jalan 1B/9, Bandar Baru Sungai Buloh, 47000 Sungai Buloh, Selangor	Tuan Haji Ismail Bin Kassan H/P: 019-2141504 Mohammad Ikram Bin Ismail H/P: 0172563686/ 0123748279 redclawnherbs@gmail.com
4	Smart Agarwood Premium	No.1, Lorong a Anak Air Baru 2, Kampung Anak Air, 26060 Kuantan, Pahang	Encik Jama Rusli bin Mat Ali Hanafiah ceo.agarwoodigb@gmail.com H/P: 010-459 0215
5	Etlingera Sdn Bhd	Blok V , UPM Mtdc Technology Centre UPM 43000 Serdang, Selangor	Encik Suhaimi Samsudin suhaimi.myoud@gmail.com 0138360015
6	Oud Agarwood Enterprise	Pt 1285, Tmn Tengku Ahmad Panglima, Jln Wakaf Mek Zainab, 15300 Kota Bharu, Kelantan	Encik Mohd Ruslan bin Osman gaharu25@yahoo.com H/P: 013-2259925
7	Dadvance Agarwood Solutions Sdn Bhd	J-3A-3, Pusat Perdagangan Bandar, Persiaran Jalil 1, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur,	Encik Adrieent Tan Chen Wee adrieent@dadvanceagarwoodsolutions.com H/P: 019-8824444

BIL.	SYARIKAT INOKULASI	ALAMAT	NAMA
8	Mega Agarwood Trading (M) Sdn Bhd	10 Jalan IAN 1, Taman Industri Angkasa Nuri, 76100 Durian Tunggal, Melaka	Encik Francis Loh megawoodsb@gmail.com H/P: 012-2977363

B. SENARAI SYARIKAT PEMBEKAL INOKULASI YANG MEMPUNYAI REKOD/LAPORAN UJIKAJI MAKMAL

BIL.	SYARIKAT INOKULASI	ALAMAT	NAMA
1	Forest Node Sdn Bhd	No.4 Jalan Ngan Chiong Hai, Kampung Baru Tanah Merah Site A, 71960 Port Dickson, Negeri Sembilan	En Tan Teai Teong H/P: 019-305 0477 Email: forestnodesb@hotmail.com
2	Oudh Malizie Resources	No.28, Jalan Taming Impian 1, Taman Taming Impian, 43000 Kajang, Selangor	En Nor Mohamad Zazali bin Ali H/P: 013-287 7879 Email: zazaliali7799@gmail.com

Lampiran 1: Dikemaskini pada 27 Disember 2024